FARID S SHAH MANSOUR lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR
ABU BAKAR KATAR PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 41S-13-07-2015]
4 DISEMBER 2017

LALULINTAS JALAN: *Memandu bawah pengaruh alkohol hingga menyebabkan kematian – Tertuduh hilang kawalan kenderaan dan melanggar si mati, menyebabkan kematiannya – Sabitan dan hukuman – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Sama ada hasil sampel darah tertuduh mengesahkan kandungan alkohol – Sama ada pengaruh alkohol menyebabkan tertuduh hilang keupayaan mengawal kenderaannya hingga melanggar si mati – Sama ada tertuduh menyebabkan kematian si mati – Sama ada Majistret gagal menimbangkan keterangan kes pendakwaan secara maksima – Sama ada pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie – Akta Pengangkutan Jalan 1987, s. 44(1)(a)*

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman – Memandu bawah pengaruh alkohol sehingga menyebabkan kematian – Tertuduh hilang kawalan kenderaan dan melanggar si mati, menyebabkan kematiannya – Tertuduh disabitkan dan dijatuhi hukuman penjara tiga tahun dan denda RM9,000 – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Sama ada hasil sampel darah tertuduh mengesahkan kandungan alkohol – Sama ada pengaruh alkohol menyebabkan tertuduh hilang keupayaan mengawal kenderaannya hingga melanggar si mati – Sama ada tertuduh menyebabkan kematian si mati – Sama ada Majistret gagal menimbangkan keterangan kes pendakwaan secara maksima – Sama ada pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie – Akta Pengangkutan Jalan 1987, s. 44(1)(a)*

Responden dituduh di Mahkamah Majistret atas pertuduhan memandu kenderaan bawah pengaruh alkohol hingga menyebabkan kematian si mati, satu kesalahan bawah s. 44(1)(a) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('Akta'). Responden didapati bersalah dan disabitkan atas pertuduhan tersebut. Responden dijatuhi hukuman penjara tiga tahun dan denda RM9,000. Terkilan dengan keputusan tersebut, responden merayu. Isu-isu yang timbul adalah (i) sama ada responden memandu kenderaan bawah pengaruh alkohol; (ii) sama ada pengaruh alkohol itu menyebabkan responden hilang keupayaan mengawal kenderaannya hingga melanggar dan menyebabkan kematian si mati; dan (iii) sama ada responden menyebabkan kematian si mati.

Diputuskan (membenarkan rayuan responden atas sabitan; responden dilepaskan dan dibebaskan):

(1) Responden disahkan memandu kenderaan bernombor pendaftaran KV 8553 C. Seorang saksi, SP3, pada masa dan hari kemalangan, mendengar bunyi pelanggaran dan keluar dari kedai tempat pekerjaannya dan melihat seorang anggota polis (si mati) terbaring atas batas jalan. SP4 mengesahkan responden ditangkap polis pada malam tersebut dan menyerahkan rakaman CCTV di kedai yang melibatkan

kemalangan antara responden dan si mati. SP11 mengesahkan ada menerima sampel darah responden dan menghantarnya ke Jabatan Kimia. Hasil analisis sampel darah responden sah mengandungi 'ethyl alcohol' dan '154mg per 100ml darah'. Oleh itu, pada masa kemalangan, responden bawah pengaruh alkohol sebagaimana yang disahkan dalam laporan kimia. (perenggan 12-15 & 17)

(2) Menurut SP5, responden telah melanggar si mati di laluan si mati tetapi SP11 dalam keterangannya menyatakan kemalangan berlaku di laluan responden bukannya di laluan si mati. Apabila berdepan senario sebegini, Majistret haruslah memberi faedah keraguan terhadap responden iaitu kemalangan berlaku di laluan responden. Majistret gagal menimbangkan percanggahan yang wujud antara SP5 dan SP11. Tindakan responden berpunca daripada kecuaian si mati yang memasuki laluan sah responden dan bukan pengaruh alkohol. (perenggan 20, 21, 25 & 28)

(3) Pendakwaan gagal 'mencungkil' keterangan daripada SP8 dan SP12 sama ada kandungan '154mg per 100ml darah' menyebabkan responden tidak berupaya mengawal kenderaannnya bagi maksud peruntukan s. 44(1)(a) Akta itu. Pendakwaan sekadar membuktikan responden memandu kenderaannya bawah pengaruh alkohol. Pendakwaan gagal membuktikan alkohol mempengaruhi cara responden mengawal kenderaannya pada tarikh, masa dan tempat kemalangan. (perenggan 31 & 33)

(4) Pendakwaan telah membuktikan si mati menemui ajalnya akibat kemalangan yang melibatkan kenderaan yang dipandu oleh responden. Punca kematian si mati adalah 'severe head injury secondary to motor vehicle accident.' Walau bagaimanapun, di akhir kes pendakwaan, Majistret gagal menimbangkan keterangan kes pendakwaan secara maksima sebagaimana kehendak undang-undang. Pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap responden di akhir kes pendakwaan. (perenggan 34, 36 & 37)

Kes-kes yang dirujuk:
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
S v. Jansen 2006 (1) NR 337 HC 339E ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, s. 50(2)
Road Transport Act 1987, ss. 41, 44(1)(a)

Bagi pihak perayu - Kuldeep Singh Gill; T/n Kuldeep Singh Gill, J Jena & Co
Bagi pihak responden - Zabidah Ahmad; TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar PK:

Pengenalan

[1] Ini merupakan rayuan oleh pihak pendakwaan terhadap keputusan mahkamah ini yang melepas dan membebaskan responden daripada pertuduhan memandu kenderaan di bawah pengaruh alkohol sehingga menyebabkan kematian kepada M Kalaichelvan a/l Mariyapan iaitu kesalahan di bawah s. 44(1)(a) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta itu).

[2] Responden telah bersalah dan disabitkan ke atas pertuduhan pindaan (eks. P 19) di (RR) (Jld 3(a)) (ms. (211)) Mahkamah Majistret, Langkawi, Kedah Darul Aman. Responden dijatuhi hukuman penjara tiga tahun mulai tarikh sabitan dan denda RM9,000 jika ingkar, penjara tujuh bulan penjara.

[3] Pendakwaan yang terkilan dengan perintah mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan atas isu undang-undang. Pendakwaan telah merangka persoalan undang-undang selaras dengan peruntukan s. 50(2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 iaitu:

(a) Sama ada beban untuk menunjukkan keadaan seseorang itu mabuk atau/dan di bawah pengaruh alkohol terletak kepada pihak pendakwaan atau pembelaan bagi kesalahan di bawah s. 41 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

(b) Sama ada beban untuk menunjukkan keadaan seseorang itu mabuk atau/dan di bawah pengaruh alkohol terletak kepada pihak pendakwaan atau pembelaan bagi kesalahan di bawah s. 44 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Latar Belakang Kes

[4] Responden telah dituduh di Mahkamah Majistret, Langkawi, Kedah Darul Aman atas pertuduhan pindaan yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 29.9.2013 jam lebih kurang 0401 Hrs bertempat di Jalan Pantai Cenang Dalam Daerah Langkawi, Kedah Darul Aman di Dalam Negeri Kedah Darul Aman sebagai pemandu kenderaan m/kar nombor: KV 8553 C telah memandu kenderaan tersebut diatas jalanraya dibawah pengaruh alkohol sehingga menyebabkan kematian kepada M. Kalaichelvan A/L Mariyapan KP No: RF 157006, oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dituduh dibawah s. 44 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] dan boleh dihukum dibawah seksyen yang sama.

[5] Responden tidak mengaku bersalah atas pertuduhan asalnya di bawah s. 41 Akta itu (kemudiannya dipinda kepada kesalahan di bawah s. 44 Akta itu (eks. P 19)). Responden diwakili peguamnya iaitu Tetuan Kuldeep Singh Gill, J Jena & Co sepanjang perbicaraan di hadapan Tuan Majistret, Mahkamah Majistret, Langkawi, Kedah Darul Aman (Tuan Majistret itu).

[6] Pendakwaan memulakan kesnya pada 18 Mei 2014 dan menutup kesnya pada 31 Mac 2015. Di akhir kes pendakwaan pada 27 April 2015, Tuan Majistret itu memutuskan pendakwaan berjaya membuktikan kes *prima facie* atas pertuduhan pindaan. Responden diarahkan membela diri.

[7] Pembelaan memulakan kesnya pada 20 Mei 2015 dan responden memilih untuk memberi keterangan tanpa sumpah iaitu dari kandang tertuduh. Responden memberi keterangan secara tidak bersumpah dan menutup kesnya pada hari yang sama.

[8] Pada 22 Jun 2015 Tuan Majistret itu telah memutuskan responden bersalah dan disabitkan atas pertuduhan pindaan. Responden dijatuhi hukuman penjara tiga tahun mulai tarikh sabitan dan denda RM9,000 jika ingkar, penjara tujuh bulan penjara.

[9] Responden yang terkilan dengan keputusan Tuan Majistret itu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi, Malaya, Alor Setar, Kedah Darul Aman (rekod rayuan (RR) (Jld 1) (ms. (1) - (2)).

Merit Rayuan

[10] Sebelum mahkamah ini menyentuh merit rayuan responden, eloklah diperturunkan peruntukan s. 44(1)(a) Akta itu yang menyatakan seperti berikut:

> (1) Any person who, when driving a motor vehicle on a road or other public place:
>
> (a) is under the influence of intoxicating liquor or drug, to such an extent as to be incapable of having proper control of the vehicle; or
>
> (b) has so much alcohol in his body that the proportion of it in his breath, blood or urine exceeds the prescribed limit,
>
> and causes the death of or injury to any person shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be punished with imprisonment for a term of not less than three years and not more than ten years and to a fine of not less than eight thousand ringgit and not more than twenty thousand ringgit.

[11] Mahkamah ini berpendapat bagi kesalahan di bawah s. 44(1)(a) Akta itu, pendakwaan perlu membuktikan elemen-elemen kesalahan iaitu:

(i) Responden memandu kenderaan di bawah pengaruh alkohol;

(ii) Responden tidak berkeupayaan mengawal kenderaannya;

(iii) Responden menyebabkan kematian M Kalaichelvan a/l Mariyapan KP No: RF 157006.

Bagi Elemen (i)

[12] Pendakwaan perlu membuktikan pada tarikh, masa dan tempat kemalangan responden di bawah pengaruh alkohol. Mahkamah ini telah menimbangkan keterangan saksi pendakwaan yang mengesahkan responden telah memandu kenderaan nombor pendaftaran: KV 8553 C. SP3 (Miss Phatcharin Yana) pada masa dan hari kemalangan ada bekerja sebagai cashier di Happy Market ada mendengar bunyi perlanggaran. Beliau keluar daripada kedai dan melihat seorang anggota polis (si mati) terbaring atas batas jalan.

[13] SP3 kemudiannya memaklumkan kejadian ini kepada SP4 (Quah Beng Khoon). SP4 mengesahkan responden telah ditangkap oleh polis pada malam tersebut. SP4 telah menyerahkan rakaman CCTV di kedai yang melibatkan kemalangan antara responden dan si mati.

[14] Mahkamah ini akan beralih kepada isu sama ada pendakwaan membuktikan responden semasa memandu kenderaannya di bawah pengaruh alkohol. Pendakwaan bergantung kepada keterangan SP11 (Insp Mohd Fairuz bin Mohd Ghazi) yang mengesahkan ada menerima sampel darah [P22] responden yang diambil oleh Dr Tan Chze Aun (SP8). SP11 kemudiannya telah menghantar sampel darah ke Jabatan Kimia, Pulau Pinang untuk dianalisa kandungan alkohol dalam darah responden.

[15] Abdul Jalil bin Abd Rahman, ahli kimia, Cawangan Pulau Pinang (SP12) telah mengesahkan hasil analisa sampel darah responden ia mengandungi "ethyl alcohol" dan "154mg per 100ml darah" sebagaimana dinyatakan dalam laporan kimianya (P21) (RR) (Jld 3 (a)) (ms. (213)).

[16] Mahkamah ini telah meneliti kemalangan berlaku pada jam 4.10 pagi. SP8 (Dr Tan Chze Aun) telah mengambil sampel darah responden. SP8 dalam keterangannya menyatakan:

> Q: Ada draw blood for alcohol?
>
> A: Itu telah polis minta sample darah untuk alcohol. Saya ambil set untuk ambil darah. Dan sryring, jarum, ada botol-botol untuk simpan darah dan beberapa benda lain alkohol dan tourniquet.
>
> [R.R.] [JILID 2 (a)] [muka surat (108)].

[17] Mahkamah berpuas hati pada masa kemalangan responden di bawah pengaruh alkohol sebagaimana yang disahkan dalam laporan kimia (P21).

Bagi Isu (ii)

[18] Mahkamah ini berpendapat walaupun pendakwaan telah membuktikan semasa kemalangan responden memandu kenderaan di bawah pengaruh alkohol, ia belum mencukupi bagi kesalahan di bawah s. 44(1)(a) Akta itu. Pendakwaan perlu membuktikan pengaruh alkohol itu menyebabkan responden hilang keupayaan mengawal kenderaannya sehingga melanggar dan menyebabkan kematian si mati.

[19] Pendakwaan bergantung kepada saksi mata SP5 (Mohd Haffie bin Jamaludin) yang dikatakan menyaksikan kemalangan berlaku antara si mati dan responden. SP5 bersama si mati membuat rondaan sekitar kawasan pentadbiran balai iaitu sekitar Jalan Pantai Chenang dan kawasan kampung berhampiran.

[20] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam responden yang terpelajar iaitu Tuan Majistret itu dalam penghakimannya gagal menimbangkan percanggahan keterangan SP5 dengan pegawai penyiasat sendiri. Menurut SP5 responden telah melanggar si mati di laluan si mati yang ditandakan sebagai "P" dalam rajah kasar (eks. D6) (RR) (Jld 3(a)) (ms. (183) - (184)). Sekiranya diamati keterangan SP5, kemalangan seolah-olah berlaku di laluan si mati. Tuan Majistret itu gagal menimbangkan keterangan SP5 yang bercanggah dengan keterangan pegawai penyiasat (SP11).

[21] SP11 dalam keterangannya (RR) (Jld 2(a)) (ms. (143), (144) dan (148)) bersetuju kemalangan berlaku di laluan responden dan bukannya di laluan si mati. Mahkamah ini merujuk keterangan SP11 di ms. (142) yang menyatakan:

> Q: Rujuk gambar E. Kalau ikut gambar di rajah kasar dan rajah kasar kesan awal seretan motorsikal dan akhir seretan motorsikal adalah dari laluan motorkar KV 8553 C?
>
> A: Betul.

[22] SP11 selanjutnya di ms. (143) menyatakan:

> Q: Boleh sahkan A ke A1 laluan sah KV 8553 C?
>
> A: Ya.

[23] SP: 11 dalam keterangannya di ms. (147) bersetuju kemalangan di laluan responden.

> Q: Cadangan kes ini, keterangan-keterangan yang wujud ini bila kesemuanya di dalam laluan tertuduh ...
>
> A: Betul.

[24] Mahkamah ini berpendapat di akhir kes pendakwaan, Tuan Majistret itu seharusnya menilai percanggahan keterangan SP5 dan SP11 dan membuat penemuan fakta untuk memilih versi yang mana satu. Tuan Majistret itu gagal menghayati prinsip yang diputuskan dalam kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457 di mana YA Gopal Sri Ram HMP ada menzahirkan pandangannya seperti berikut:

> [12] After the amendments to ss. 173(f) and 180 of the CPC, the statutory test has been altered. What is required of a Subordinate Court and the High Court under the amended sections is to call for the defence when it is satisfied that a *prima facie* case has been made out at the close of the prosecution case. This requires the court to undertake a maximum

evaluation of the prosecution evidence when deciding whether to call on the accused to enter upon his or her defence. *It involves an assessment of the credibility of the witnesses called by the prosecution and the drawing of inferences admitted by the prosecution evidence. Thus, if the prosecution evidence admits of two or more inferences, one of which is in the accused's favour, then it is the duty of the court to draw the inference that is favourable to the accused.* See, *Tai Chai Keh v. Public Prosecutor* [1948] 1 LNS 122; [1948-49] MLJ Supp 105; *Public Prosecutor v. Kasmin bin Soeb* [1974] 1 LNS 116; [1974] 1 MLJ 230.

(penekanan ditambah)

[25] Mahkamah ini berpendapat Tuan Majistret itu apabila berhadapan senario sebegini, seharusnya memberi faedah keraguan terhadap responden iaitu kemalangan berlaku di laluan responden.

[26] Mahkamah ini juga berpendapat pendakwaan perlu membuktikan sama ada responden gagal mengawal kenderaannya berpunca daripada pengaruh alkohol atau ia berpunca daripada kecuaian si mati sendiri. Tuan Majistret itu dalam penghakimannya gagal menghayati persoalan undang-undang ini yang menjadi teras perdebatan pendakwaan sehingga memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia.

[27] Mahkamah ini meneliti penghakiman Tuan Majistret itu di ms. (14) RR (Jld 1) ada menyatakan:

... Sudah pastinya jika OKT masih bersikap wajar dan waras, memberhentikan kereta secara melintang di atas divider jalan konkrit sehingga menyebabkan kerosakan pada kenderaan sendiri adalah bukan sesuatu yang normal ...

[28] Mahkamah ini berpendapat Tuan Majistret itu gagal menimbangkan percanggahan yang wujud antara SP5 dan pegawai penyiasat sebagaimana yang disentuh sebelum ini. Mahkamah ini berpendapat tindakan responden itu berpunca daripada kecuaian si mati yang memasuki laluan sah responden dan bukannya berpunca daripada pengaruh alkohol sebagaimana yang diputuskan oleh Tuan Majistret itu.

[29] Mahkamah ini merujuk kes *S v. Jansen* [2006] (1) NR 337 HC 339E-J Mainga J ada menzahirkan pandangannya seperti berikut:

To prove a contravention of s. 82(1) it is not sufficient for the State to prove mere consumption of intoxicating liquor (*Cooper Motor Law* vol 1 at 554); the State must prove something more than that the driver has had a few drinks or that his breath smells of liquor. *R v. Donian* [1935] TPD 5 at 9; *R v. Tathiah* [1938] NPD 387 at 392; *R v. Lloyd* [1929] EDL 270 at 274; *R v. Magula* [1939] EDL 207 at 211 ... 'The onus is on the prosecution, on a charge of driving under the influence, to establish the impairment in the driver's ability to drive, if there was any, was caused by the consumption of alcohol. (*S v. Piccione* [1967] (2) SA 334 (N) at 336.) The elements of the offence of driving under the influence are that the accused (i) drove (ii) a vehicle (iii) on a public road (iv) while under the

A influence of liquor or drugs (v) *mens rea* (Milton South African Criminal Law and Procedure vol III Statutory Offences G3-61). An accused may be considered to be under the influence of intoxicating liquor, if it is established that 'the skill and judgment normally required in the manipulation of a motor car is obviously diminished or impaired as a direct result of the consumption of alcohol' (*R v. Spicer* [1945] AD 433 at
B 435-6; *S v. Grobler* [1972] (4) SA 559 (O) at 561D-E; Milton South African Criminal Law and Procedure (*supra*) at G3-63 and all the cases the learned author refers to in fn 14; *S v. Engelbrecht* [2001] (2) SACR 38 (C) at 44i, 46a-d, 47d; *Cooper Motor Law* vol. 1 at 554).

[penekanan ditambah]

C **[30]** Di Malaysia, Akta Pengangkutan Jalan 1987 tidak memperuntukkan anggapan ketidakupayaan mengawal kenderaan apabila di bawah pengaruh alkohol. Sebagai perbandingan, di Singapura memperuntukkan anggapan sedemikian yang di bawah s. 30B Road Traffic (Amendment) Act 1973. Section 30B berbunyi seperti berikut:

D **Presumption of incapability of having proper control of motor vehicle.**

30B – Any person who has been arrested under section 29 or 30 of this Act shall be presumed to be incapable of having proper control of a motor vehicle if the specimen of blood provided by him under section 30A of this Act is certified by a medical practitioner to have a blood alcohol
E concentration in excess of 110 milligrammes of alcohol in 100 millilitres of blood.

[31] Pendakwaan telah pun memanggil SP8 (Dr Tan Chze Aun) dan SP12 (Abdul Jalil bin Abdul Rahman) untuk memberi keterangan. Pendakwaan
F gagal "elicit" keterangan daripada SP8 dan SP12, sama ada kandungan alkohol "154mg per 100ml darah" menyebabkan responden tidak upaya mengawal kenderaannya bagi maksud peruntukan s. 44(1)(a) Akta itu. Tuan Majistret itu dalam penghakimannya gagal menimbangkan persoalan undang-undang ini.

G **[32]** Mahkamah ini berpendapat memandangkan peruntukan s. 44(1)(a) Akta itu tiada anggapan undang-undang sebagaimana peruntukan s. 30B Road Transport Act 1973 (Singapore), pendakwaan memikul beban untuk membuktikannya dan ia tidak memadai bergantung kepada responden di bawah pengaruh alkohol semata-mata.

H **[33]** Mahkamah ini berpendapat pendakwaan sekadar membuktikan responden memandu kenderaannya di bawah pengaruh alkohol. Sebaliknya pendakwaan gagal membuktikan berpunca pengaruh alkohol telah mempengaruhi responden cara mengawal kenderaannya pada tarikh, masa dan tempat kemalangan yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan (P19).

I

Bagi isu (iii)

[34] Mahkamah ini berpuas hati pendakwaan membuktikan si mati menemui ajalnya berpunca daripada kemalangan yang melibatkan kenderaan yang dipandu oleh responden. Pendakwaan telah memanggil Dr Syafiq Aifat bin Hasin (SP7) dan mengemukakan laporan bedah siasat si mati (eks. D15) (RR.) (Jld) 3(3a)) (ms. (186) - (1191)). SP7 telah mengesahkan punca kematian si mati ialah "severe head injury secondary to motor vehicle accident".

[35] Berbalik kepada persoalan undang-undang yang dirangka oleh pendakwaan bagi maksud rayuan di Mahkamah Rayuan, Malaysia, mahkamah ini berpendapat ia menjadi tugas kepada pendakwaan untuk membuktikan seseorang itu mabuk atau/dan di bawah pengaruh alkohol bagi maksud peruntukan s. 44(1)(a) Akta itu.

Kesimpulan

[36] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, mahkamah ini membenarkan rayuan responden atas sabitan dan hukuman. Mahkamah ini berpendapat di akhir kes pendakwaan, Tuan Majistret itu gagal menimbangkan keterangan kes pendakwaan secara maksima sebagaimana kehendak undang-undang.

[37] Mahkamah ini berpendapat pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap responden di akhir kes pendakwaan.

[38] Mahkamah ini membenarkan rayuan oleh responden atas sabitan. Mahkamah ini mengakaskan sabitan atas responden dan selanjutnya hukuman penjara tiga tahun mulai tarikh sabitan (22 Jun 2014) turut diakaskan.

[39] Mahkamah ini selanjutnya memerintahkan denda RM9,000 (jika telah dijelaskan) dibayar semula kepada responden.

[40] Mahkamah ini memerintahkan responden dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan pindaan (P19).